

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD**

**KAWASAN : LIPIS**

**SOALAN :**

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan projek Jalan Lipis-Benta-Jerantut yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan untuk menaiktaraf Jalan Persekutuan FT234 dari Lipis – Kerambit – Mela – Jerantut, sepanjang 60km, telah dimohon oleh Kementerian ini untuk dilaksanakan pada *Rolling Plan 1*, RMKe-11 yang lalu. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (ketika itu dipanggil sebagai Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri) dan juga Kementerian Kewangan.

Namun demikian, pihak Kerajaan sedang melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FT64 dari Benta – Jerantut – Maran melalui beberapa pakej dan segmen, sepanjang 140 km, sejak tempoh *Rolling Plan2* RMKe-11 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Menaiktaraf Laluan 64 Jalan Benta - Jerantut - Maran Fasa 1 Segmen 7 sedang di dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sehingga 20 Februari 2019 adalah 35% berbanding yang dijadualkan iaitu 30%. Skop projek ini merangkumi kerja-kerja menaiktaraf jalan sediaada sepanjang 6.7 km kepada jalan tunggal 2 lorong (T1-1) (3.5m/lane) dengan 2.0m *paved shoulder* berdasarkan piawaian JKR R5, pengalihan utiliti, menaiktaraf 7 persimpangan, lampu isyarat, lampu jalan dan lampu isyarat pejalan kaki. Projek ini dijangka siap pada 26 Disember 2020.

Sekian, terima kasih.